



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BIL: 02/2018
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN-PERATURAN
KEWANGAN (F.R)**

**Jabatan Perkhidmatan Awam
FEBRUARI 2018**



AGENDA

9.00 pagi



Taklimat Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri
02/2018

9.30 pagi



Sesi Soal Jawab



Selesai



INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

ISI KANDUNGAN

- ▶ BENGKEL/ KURSUS/ LATIHAN G.O DAN F.R
- ▶ PEPERIKSAAN G.O DAN F.R
- ▶ PEPERIKSAAN LANJUTAN G.O DAN F.R
- ▶ FORMAT PEPERIKSAAN
- ▶ INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN
- ▶ SYARAT MELAYAKKAN UNTUK MENDAPAT INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN
- ▶ SYARAT TIDAK MELAYAKKAN UNTUK MENDAPAT INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

BENGKEL/ KURSUS/ LATIHAN G.O DAN F.R

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

2. BENGKEL/KURSUS/LATIHAN G.O DAN F.R:

- 2.1 Semua pegawai dalam Bahagian II adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel/kursus/latihan G.O dan F.R kecuali pegawai-pegawai yang sudah mengikutinya atau/dan sudah lulus peperiksaan G.O dan F.R.

- 2.2 Bengkel/kursus/latihan bagi G.O dan F.R hendaklah dikendalikan secara “*in-house*” oleh Jabatan dan Kementerian masing-masing. Sijil bengkel/kursus/latihan bagi G.O dan F.R akan dikeluarkan apabila pegawai berkenaan tamat bengkel/kursus/latihan tersebut. Adalah menjadi tugas setiap kementerian untuk memberikan bengkel atau taklimat secara ‘*in-house*’ mengenai G.O dan F.R. kepada pegawai-pegawai yang lain.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 2.3 Bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian I, termasuk pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang dinaikkan pangkat ke dalam Bahagian I yang belum mengikuti bengkel/kursus/latihan G.O dan F.R, adalah dikehendaki untuk mengikut bengkel/kursus/latihan berkenaan.
- 2.4 Pegawai-pegawai kontrak luar negeri yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dikehendaki melalui inisiatif sendiri untuk mengetahui Peraturan-Peraturan G.O dan F.R.
- 2.5 Satu mekanisme pemantauan yang berkesan perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian dimana semua Setiausaha Tetap adalah disarankan untuk memantau secara sistematik dalam memastikan pengetahuan dan kefahaman mengenai G.O dan F.R di kalangan pegawai dan kakitangan di Kementerian masing-masing akan dapat dibudayakan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

PEPERIKSAAN (G.O) DAN (F.R)

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (F.R)

3. PEPERIKSAAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 3.1 Peperiksaan G.O dan F.R akan dibukakan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mendudukinya.
- 3.2 Peperiksaan G.O dan F.R akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu setiap 4 bulan sekali tertakluk kepada jumlah calon-calon yang akan mendudukinya.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

3.3 Peperiksaan G.O dan F.R adalah **mandatori kepada lapan (8) kategori jawatan bagi Skim Perkhidmatan** jawatan-jawatan berikut:

- Pegawai Pentadbir; Pegawai Kewangan; Pegawai Kakitangan (di Jabatan Perkhidmatan Awam); Juruaudit; Pegawai Tugas-Tugas Khas; Pegawai Kerja; Pegawai Perolehan dan Pegawai Perbekalan.

Bagi jawatan-jawatan lain adalah disarankan untuk mengambil peperiksaan G.O dan F.R berkenaan.

3.4 Bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang telah tamat tempoh mendapat Insentif Kewangan Elaun Bulanan mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 adalah dibolehkan untuk menduduki peperiksaan ini.

PEPERIKSAAN LANJUTAN G.O DAN F.R:

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

4. PEPERIKSAAN LANJUTAN G.O DAN F.R:

- 4.1 Peperiksaan peringkat lanjutan hanya boleh dibenarkan diambil setelah tempoh tiga (3) tahun dari tarikh terakhir menerima insentif kewangan elaun bulanan yang pertama.

Tarikh Mula Menerima Insentif Kewangan Elaun G.O & F.R	Tarikh Terakhir Menerima Insentif Kewangan Elaun G.O & F.R	Tahun Layak Mengambil Peperiksaan Lanjutan G.O & F.R
April 2018	Mac 2020	April 2023
Oktober 2019	September 2021	Oktober 2024
Jun 2020	Mei 2022	Jun 2025

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 4.2 Insentif kewangan elaun bulanan akan dilaratkan kepada pegawai yang lulus dalam peperiksaan lanjutan. Hanya pegawai yang mendapat **gred A bagi kedua-dua kertas peperiksaan** akan layak menduduki peperiksaan di peringkat lanjutan.
- 4.3 Bagi pegawai-pegawai yang pada masa ini menerima elaun bulanan berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 adalah dibolehkan menduduki Peperiksaan Lanjutan G.O dan F.R setelah berjaya meningkatkan pencapaian mereka ke Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun.

Tahun Lulus Peperiksaan G.O & F.R SK JPM BIL. 11/2012	Peluang Meningkatkan Gred A dalam kedua-dua kertas peperiksaan <i>(Hanya dibenarkan 2 kali)</i>	Tahun Layak Mengambil Peperiksaan Lanjutan G.O & F.R <i>(Jika telah mendapat Gred A bagi kedua-dua kertas peperiksaan)</i>
Masih menerima elaun insentif selepas Disember	2018-2020	2021
2017		

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

FORMAT PEPERIKSAAN G.O DAN F.R:

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

5. FORMAT PEPERIKSAAN G.O DAN F.R:

- 5.1 Bagi tujuan Peperiksaan G.O dan F.R, buku-buku rujukan dan kurikulum Peperiksaan G.O dan F.R akan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perbendaharaan sebagai bahan rujukan dan persediaan peperiksaan.
- 5.2 Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab untuk menyediakan format dan mekanisme peperiksaan yang memenuhi piawaian untuk menjaga integriti soalan-soalan peperiksaan dan pemeriksaan kertas-kertas jawapan.
- 5.3 Markah peratus lulus bagi Peperiksaan G.O dan F.R adalah sekurang-kurangnya 60%.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

5.4 Gred Permarkahan bagi Peperiksaan G.O dan FR adalah seperti berikut:

Gred	Markah (%)	Tahap
A	90 – 100	Lulus
B	80 – 89	
C	70 – 79	
D	60 – 69	Gagal
E	50 - 59	
F	49 ke bawah	

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

6. INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN:

- 6.1 Insentif Kewangan Elaun Bulanan akan diberikan kepada semua pegawai dalam Bahagian II yang lulus kedua-dua peperiksaan G.O dan F.R dan mendapat keputusan **Gred A atau Gred B bagi kedua-dua kertas peperiksaan** iaitu mengikut peratus elauin insentif kewangan dan juga gred keputusan seperti berikut:

GRED MARKAH (G.O dan F.R)		Jumlah Elaun Insentif Kewangan Bulanan yang dihulurkan
G.O	F.R	
A	A	\$100.00 sebulan
A	B	\$80.00 sebulan
B	A	\$80.00 sebulan
B	B	\$80.00 sebulan

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 6.2 Insentif kewangan elaun bulanan akan dihulurkan selama **dua (2) tahun sahaja**. Walaubagaimanapun, pegawai-pegawai yang telah lulus dan sedang menerima insentif tersebut pada masa ini selaras dengan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 akan terus menerima insentif kewangan sehingga tempoh penerimaannya selama lima (5) tahun berakhir.

- 6.3 Bagi pegawai yang berhasrat untuk meningkatkan gred untuk mendapatkan Insentif Kewangan Elaun Bulanan, hanya dibenarkan untuk menduduki peperiksaan semula sebanyak dua (2) kali sahaja. Jika masih gagal untuk meningkatkan gred untuk mendapatkan insentif kewangan tersebut, elaun tersebut tidak akan diberikan.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 6.4 Pegawai yang berjaya mendapat markah gred A bagi kedua-dua kertas peperiksaan G.O dan F.R dalam Peperiksaan Lanjutan G.O dan F.R akan dihulurkan insentif kewangan elaun bulanan dalam tempoh 2 tahun sahaja.

**SYARAT MELAYAKKAN UNTUK
MENDAPAT INSENTIF KEWANGAN
ELAUN BULANAN:**

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

7. SYARAT MELAYAKKAN UNTUK MENDAPAT INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN:

- 7.1 Mana-mana pegawai selain daripada jawatan-jawatan yang dipersyaratkan lulus Peperiksaan G.O dan F.R disarankan untuk mengikuti Peperiksaan GO dan FR bagi melayakkan mereka untuk mendapatkan Insentif Kewangan Bulanan GO dan FR tersebut.
- 7.2 Pegawai-pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri akan terus menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan.
- 7.3 Pegawai-Pegawai yang diberikan cuti seperti cuti beranak dan cuti khas seperti menemani pesakit, cuti mewakili negara, cuti menunaikan Fardhu Haji, menemani Suami atau Isteri bertugas di luar negeri akan terus menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 7.4 Pegawai-pegawai yang belum mendapat elaun insentif kewangan G.O dan F.R tetapi telah mendapat gred A atau B dalam salah satu kertas peperiksaan G.O atau F.R sebelum Surat Keliling ini dikuatkuasakan, bolehlah menduduki kertas peperiksaan yang berkenaan bagi memberi peluang untuk mendapatkan insentif yang baru ini.

- 7.5 Bagi pegawai yang berhasrat untuk menaiktaraf keputusan peperiksaan yang melayakkan mereka mendapat insentif kewangan elaun bulanan yang sewajarnya, peningkatan insentif kewangan berkenaan akan diberikan bermula pada tarikh pegawai berkenaan mendapat keputusan peperiksaan yang baru (peningkatan) sehingga berakhir baki tempoh dua (2) tahun yang asal.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

- 7.6 Pegawai-pegawai yang telah lulus dan sedang menerima insentif selaras dengan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 11/2012 pada masa ini akan terus menerima insentif kewangan sehingga tempoh penerimanya selama lima (5) tahun berakhir. Walaubagaimanapun, tidak ada halangan jika pegawai yang sudah lulus peperiksaan G.O dan F.R sebelum ini untuk mengambil Peperiksaan lanjutan G.O dan F.R dan mendapat insentif jika berkelayakan mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

**SYARAT TIDAK MELAYAKKAN UNTUK
MENDAPATKAN INSENTIF
KEWANGAN ELAUN BULANAN:**

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

8. SYARAT TIDAK MELAYAKKAN UNTUK MENDAPATKAN INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN:

- 8.1 Insentif Kewangan Elaun Bulanan akan diberhentikan sebaik-baik sahaja pegawai-pegawai dalam Bahagian II dinaikkan pangkat ke Bahagian I.
- 8.2 Pegawai yang dalam proses diambil tindakan tatatertib hanya akan menerima pada kadar yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang berjalan pada ketika ini.
- 8.3 Insentif Kewangan Elaun bulanan akan diberhentikan semasa pegawai mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL).
- 8.4 Pegawai yang dibenarkan cuti tidak bergaji tidak akan menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan sepanjang tempoh cuti tidak bergaji tersebut.

INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (G.O) DAN PERATURAN- PERATURAN KEWANGAN (F.R)

9. TARIKH KUATKUASA:

- 9.1 Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada **01 Januari 2018**.

- 9.2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 11/2012 bertarikh 12 Muhamarram 1434 bersamaan 26 November 2012 mengenai Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) adalah dengan ini dipinda mulai tarikh Surat Keliling ini dikuatkuasakan.

Senario	Kelayakan Menerima Insentif Elaun Kewangan SK 2/2018	Kelayakan untuk menduduki Peperiksaan Lanjutan G.O dan F.R dan Menerima Insentif Elaun Kewangan
1. PEGAWAI YANG TELAH TAMAT MENERIMA ELAUN INSENTIF	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah mendapatkan Gred (A & A, A & B, B & B) dalam Peperiksaan G.O dan F.R. Untuk meningkatkan Gred hanya dibenarkan menduduki peperiksaan 2 kali sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah mendapatkan Gred (A & A) dalam Peperiksaan G.O dan F.R.
2. PEGAWAI YANG MASIH MENERIMA ELAUN INSENTIF MENURUT SK 11/2012	<ul style="list-style-type: none"> - 	<ul style="list-style-type: none"> Dikehendaki menaiktaraf Gred (A & A) dalam peperiksaan G.O dan F.R
3. PEGAWAI YANG BELUM MENDAPAT ELAUN INSENTIF TETAPI TELAH LULUS SALAH SATU PEPERIKSAAN (PARA 7.4) DAN MENDAPAT MEMPEROLEHI GRED A ATAU B	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai tersebut hanya diperlukan untuk mengambil salah satu peperiksaan yang gagal itu sahaja untuk mendapatkan kelayakan berkenaan 	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah mendapatkan Gred (A & A) dalam peperiksaan G.O dan F.R
4. PEGAWAI YANG BARU PERTAMA KALI MENGAMBIL PEPERIKSAAN (SK 2/2018)	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah mendapatkan Gred (A & A, A & B, B & B) dalam Peperiksaan G.O dan F.R. Untuk meningkatkan Gred hanya dibenarkan menduduki peperiksaan 2 kali sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah mendapatkan Gred (A & A) dalam peperiksaan G.O dan F.R

Q & A

aswandey.ibrahim@psd.gov.bn

SEKIAN
TERIMA KASIH

